

Headline	KLHC, UniKL buat perhitungan akhir		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Supplement	Page No	9
ArticleSize	453 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 23,181		



## KLHC, UniKL buat perhitungan akhir



Razie Rahim (kiri) menjanginkan gol keempat KLHC pada separuh akhir kedua Piala TNB 2018.

**K**elab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) bakal membuat membuat perhitungan terakhir dengan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) pada aksi final Piala TNB 2018, malam ini selepas kedua-dua pasukan mengatasi lawan masing-masing secara agregat.

KLHC yang dikecewakan Pasukan Hoki Terengganu (THT) pada aksi final musim lalu,

terpaksa berhempas pulas sebelum berjaya meraih tiket final sekali lagi selepas menewaskan TNB menerusi penentuan penalti 8-7.

KLHC memenangi perlawanan hari dengan keputusan 4-3 untuk memadam kelebihan 3-2 yang dimenangi TNB pada aksi separuh akhir pertama sekali gus menyaksikan kedua-dua pasukan terikat 6-6

secara agregat.

Perlawanan terpaksa ditentukan menerusi penentuan penalti yang akhirnya memihak kepada KLHC.

Sementara itu, UniKL mara ke final menerusi agregat 6-3 meskipun sekadar seri 2-2 dengan THT, hari ini.

Ketua jurulatih KLHC, Lim Chiow Chuan nyata berpuas hati dengan prestasi yang

dipamerkan barisan pemainnya kerana dilihat bersungguh-sungguh untuk mara ke pentas final.

"Ketika kami mendahului 3-1, saya rasa keputusan akan memihak kepada KLHC. Tapi selepas berlaku situasi kucar kacir dengan pemain gagal menyempurnakan beberapa peluang terhidang menerusi pukulan sudut penalti, ia memberi tekanan kepada kita.

"Mujur setiap pemain kekal tenang dan menjalankan tanggungjawab masing-masing sehingga ke penentuan penalti.

"Akhirnya kemenangan memihak kepada kami. Kini kami

perlu kembali fokus untuk perlawanan final pula," katanya.

Sementara itu, UniKL yang selesa dengan agregat 4-1 pada separuh akhir pertama, terus memberi tekanan kepada THT selaku juara bertahan apabila di depan seawal minit ke-2 menerusi jaringan padang Jeroen Dolf Hertzberger sebelum Glenn Stewarts Turner menjadikan kedudukan 2-0 minit ke-23, juga menerusi gol padang.

Gonzalo Peillat merapatkan jurang dengan menyempurnakan penalti stroke minit ke-28 sebelum dia menjanginkan gol penyamaan minit ke-54.



Glenn Stewarts Turner (jersi kuning) meledak gol kedua UniKL.